

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG – PKR ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)**

**SOALAN (NO. 28)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sebab-sebab bagi kemerosotan piawai pasukan bola sepak dan hoki negara dan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaikinya.

## **SULIT**

### **JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengaudit dan mengenal pasti segala kelemahan yang menyebabkan kemerosotan kualiti permainan bola sepak di negara ini. Hasil dari itu, Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara telah diolah dan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan April 2014.
2. Di samping itu juga, Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari dijangka akan mula beroperasi pada awal tahun 2017 dan Akademi ini bakal menjadi Akademi termoden di rantau ini bagi melatih lebih 350 bakat-bakat terbaik tanah air (13-17 tahun) setahun.
3. Kelemahan prestasi pasukan hoki negara adalah disebabkan tiadanya program latihan yang teratur serta kurangnya tumpuan pada tahap kecergasan atlet serta kualiti permainan pasukan kebangsaan. Strategi perlawanan yang diatitkan oleh jurulatih tempatan yang kurang berkesan digunakan di peringkat antarabangsa.
4. Majlis Sukan Negara (MSN) dan Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) telah mengambil langkah menilai dan mengatur semula struktur kejurulatihan kebangsaan dan program pembangunannya dari akar umbi. Dengan lantikan Pengarah Teknikal, Encik Terry Walsh (Jurulatih Luar Negara) kita yakin prestasi pasukan Hoki Malaysia dapat ditingkatkan lagi.

## **SULIT**

5. MSN bersama-sama MHC juga telah menyediakan satu "*Blue Print*" sebagai panduan untuk meningkatkan mutu sukan hoki di Malaysia yang telah dilancarkan baru-baru ini.
6. Penubuhan pusat latihan di peringkat Daerah dan Negeri dijangka dapat melahirkan lebih ramai atlet hoki yang berbakat dan berpotensi. Bagi mengatasi kemerosotan prestasi Pasukan Hoki Kebangsaan dan pasukan remaja, pihak MHC akan bekerjasama dengan Institut Sukan Negara (ISN) dengan memberi lebih tumpuan dalam isu kecergasan dan psikologi atlet.

Sekian, terima kasih.